

# Petikan Sastera

*Baca bahan-bahan di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

## **Bahan 1**

Setelah tiga tahun dalam tahanan reman berulang-alik menghadiri perbicaraan di mahkamah, pihak pendakwa berjaya membuktikan kesalahan dan hakim menjatuhkan hukuman penjara sepanjang hayat ke atas Abu dan Jamal.

Perbuatan Abu telah menyentuh perasaan ibunya. Hanya air mata menjadi saksi kesedihan yang terpaksa ditanggung oleh seorang ibu. Sesungguhnya, tiada seorang ibu pun di dunia ini yang mahu anak yang dikandungnya selama sembilan bulan terpaksa meringkuk di dalam sel penjara.

Ibu selalu berpesan kepada Abu supaya harus bijak memilih kawan. Kawan yang baik haruslah didampingi. Kawan yang tidak baik haruslah disempadani. Janganlah terpengaruh dengan ajakan kawan yang boleh membawa kemusnahan. Ingatlah cerminan kita adalah dengan siapa kita berkawan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Cerpen 'Pendakian Tujuh Gunung',  
oleh Sallehuddin Ibrahim,  
Dewan Siswa Bil. 7, 2017



@malaylinguist

## Bahan 2

### Pesan Ibu Beribu-ribu

Setiap langkah kita diiringi pesanan ibu  
"Buat beginijangan begitu  
bacalah buku selalu  
kukuhkan diri dengan ilmu  
pilihlah kawan yang mulia hati  
tolaklah kawan pementing diri  
pilihlah kawan yang punya petunjuk  
tolaklah kawan bertabiat buruk."  
Ibu yang satu menyekat kita di pintu  
bertanya ke mana arah tuju  
"Jagalah diri selalu  
di luar sana mungkin bencana menunggu."  
Kita menjadijemu  
mendengar pesanan beribu-ribu  
tapi ibu tetap ibu  
pesanan bertambah satu dan satu  
"Jangan dibiarkan kepala berkutu  
carilah ubat jerawat batu."

Dipetik daripada sajak  
"Pesan Ibu Beribu-ribu"  
oleh Rahman Shaari  
dalam antologi Bintang Hati,  
Kementerian Pendidikan Malaysia



@malaylinguist

(i) Dengan berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *menyentuh perasaan*.  
[2 markah]

(ii) Dengan berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan pesanan ibu kepada anaknya.  
[3 markah]

(iii) Jasa ibu bapa tidak ternilai dalam usaha membesarkan kita.

Pada pendapat anda, apakah cara terbaik yang dapat dilakukan oleh seorang anak untuk membalas jasa ibu bapanya?

[3 markah]

(iv) Anda telah mendapat tahu bahawa ibu rakan anda menghadapi penyakit berbahaya yang mengancam nyawanya. Kos untuk mengubati penyakit tersebut sangat tinggi. Keluarganya tidak mampu menampung kos rawatan tersebut.

Sebagai seorang rakan yang prihatin dan bertanggungjawab, apakah tindakan anda untuk membantu rakan yang menghadapi masalah tersebut?

[4 markah]



## Cadangan Jawapan

1. Menjentik/menyingung hati/emosi.

2.

Bahan 1

- Harus bijak memilih kawan.
- Kawan yang baik haruslah didampingi!
- Kawan yang tidak baik haruslah disempadani!
- Jangan terpengaruh dengan ajakan kawan yang boleh membawa kemusnahan

Bahan 2

- Bacalah buku selalu
- Kukuhkan diri dengan ilmu
- Pilihlah kawan yang mulia hati
- Tolaklah kawan pementing diri
- Pilihlah kawan yang punya petunjuk
- Tolaklah kawan bertabiat buruk
- Jagalah diri selalu
- Jangan dibiar kepala berketu
- Carilah ubat jerawat batu

3.

- Belajar bersungguh-sungguh
- Menjaga maruah keluarga
- Meraikan hari-hari istimewa ibu bapa
- Membawa ibu bapa melancong
- Menjaga kebajikan ibu bapa
- Sentiasa menziarahi ibu bapa

4.

- Saya menyiarakan kisah tersebut dalam media sosial untuk meminta bantuan orang ramai.
- Saya menceritakan masalah tersebut kepada ibu bapa/meminta bantuan ibu bapa.
- Saya meminta bantuan guru/pihak sekolah untuk melancarkan tabung sumbangan.
- Saya berjumpa dengan ketua kampung/wakil rakyat untuk mendapatkan bantuan.
- Saya memberi cadangan kepada rakan untuk mencuba rawatan alternatif yang kosnya lebih murah.

